

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Gempa bumi dan gelombang tsunami tanggal 26 Disember 2004 telah mengakibatkan hancurnya pembangunan fizikal dan menyebabkan penderitaan kepada masyarakat Aceh pada waktu itu. Dalam musibah itu tidak kurang daripada 120.000 orang telah terkorban dalam bencana tersebut dan 400.000 orang kehilangan rumah dan harta benda mereka.¹ Usaha untuk membangunkan kembali pembangunan yang telah hancur bukanlah sesuatu yang mudah akan tetapi memerlukan komitmen yang kuat untuk memulihkannya.

Rekonstruksi dan pemulihan Aceh telah berlalu selama 5 tahun setelah terjadinya tsunami dan konflik di Aceh. Pemulihan pasca tsunami dan konflik telah banyak memberi perubahan terhadap tatacara kehidupan masyarakat Aceh. Ramai penderma yang telah membantu pasca tsunami dan konflik untuk menolong masyarakat Aceh dalam memperbaiki ekonomi, infrastruktur dan sosial-politik. Meskipun pada waktu itu Aceh banyak di bantu oleh negara luar yang menurut perkiraan mencapai 8-9 bilion dolar AS, tetapi bantuan ini difokuskan untuk pembangunan fizik atau dalam bentuk infrastruktur.²

Pencapaian pembangunan fizik atau infrastruktur kurang berkesan dalam membangunkan ekonomi di mana sebahagian besar masyarakat Aceh masih di berada bawah garis kemiskinan. Pembangunan ekonomi di Aceh memerlukan penglibatan semua unsur masyarakat baik secara langsung dan tidak langsung. Pemerintah Aceh yang merupakan pengendali utama dalam pembangunan Aceh harus mempedulikan

¹ "Prakarsa Pemulihan Tata Pemerintah Aceh, Mendukung Upaya Pemulihan Tata Pemerintah Daerah Pasca Tsunami" Hasil kajian LGSP Aceh Regional Office dan Usaid From The American People. Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam. www.lgsp.or.id

²Narrative Report of Workshop, "The Future of Economic Development in Post Conflict and Tsunami in Aceh". Tarikh 26 – 29 November 2007.

terhadap potensi masyarakat Aceh. Kehancuran yang di alami di Aceh juga pernah di alami oleh beberapa negara lain walaupun tidak sama tingkat kehancurannya.

Optimisme membangun Aceh didukung dengan pelbagai sebab di antaranya ialah faktor alam iaitu alam yang subur dan juga faktor perhatian dari dunia luar dengan adanya penderma yang mahu membantu Aceh. Oleh itu, bergantung pada masyarakat Aceh itu sendiri untuk mengoptimumkan pembangunan Aceh semula. Sememangnya jika dilihat dari sudut sosiopolitik, Aceh merupakan wilayah yang tidak dapat menerima perubahan secara serta-merta yang didatangkan dari budaya dan ideologi daripada luar sehingga mudah terjadi konflik³, dan ini dianggap wajar kerana Aceh mengalami perang yang cukup panjang semenjak dari zaman penjajahan Belanda dan berakhir pada tanggal 15 Ogos 2005.

Potensi konflik ini hanya akan mampu dikurangkan sekiranya masyarakat Aceh dibina, dibimbing dan diupayakan dalam mencapai pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan yang layak bagi mereka. Pembangunan ekonomi masyarakat di mana sahaja akan mudah tercapai apabila ia dilaksanakan sesuai dengan budaya, adat, resam dan ideologi. Oleh itu pembangunan ekonomi Aceh juga harus disesuaikan dengan budaya dan adat-istiadat rakyat Aceh. Rakyat Aceh sehingga saat ini masih fanatik dengan keislamannya, harus di bangunkan dengan pelbagai konsep yang menyentuh pendekatan-pendekatan Islam. Setelah diberikan kemudahan dalam menjalankan syariah Islam di Aceh yang merupakan syariat yang dibawakan oleh Rasulullah merupakan syariat yang sangat komprehensif dan universal yang lengkap dijadikan pedoman umat di akhir zaman,⁴ selanjutnya dirumuskan dalam Undang-undang No. 44 tahun 1999 dan

³ Percepatan Pemulihan Ekonomi Aceh, <http://mimodjo.blogspot.com/2005/01/percepatan-pemulihan-ekonomi-aceh.html>, Tuesday, January 18, 2005.

⁴ Lihat Syukri Iska (2010), "Sistem Perbankan Syariah di Indonesia: Analisis Menurut Perspektif Kewangan Islam", (Desertasi, Jabatan Syariah dan Kepengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 95.

Undang-undang No. 18 tahun 2001,⁵ sebagai landasan hukum untuk dilaksanakan di Aceh.

Salah satu institusi yang menangani pemulihan semasa kecemasan dan perbaikan pada waktu itu ialah Dompet Dhuafa Republika. Setelah masa kecemasan Dompet Dhuafa Republika tidak serta-merta meninggalkan Aceh, tetapi institusi ini mengambil inisiatif membangunkan Aceh secara berterusan. Melalui inisiatif inilah, Dompet Dhuafa Republika mendirikan suatu institusi yang berasaskan syariah iaitu Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri. Setelah di iktiraf Baitul Qiradh Binan Insan Mandiri selanjutnya diberi kebebasan untuk mengelola secara mandiri oleh Dompet Dhuafa Republika.⁶ Dimana pelaksanaannya harus di bawah undang-undang koperasi untuk memajukan kesejahteraan pengusaha kecil dan sederhana.⁷

Baitul Qiradh yang tidak jauh bezanya dengan erti koperasi Islam iaitu menanamkan nilai-nilai ajaran Islam seperti keadilan, kebersamaan, kekeluargaan, dan kesejahteraan bersama demi mencapai tujuan bersama. Hal ini sesuai dengan Akta Notaris Koperasi Syariah Bina Insan Mandiri yang disebut sebagai Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh atau nama singkatnya BQ-BIMA Banda Aceh dan selanjutnya akan disebut BQ-BIMA Banda Aceh.

BQ-BIMA Banda Aceh merupakan salah satu institusi perekonomian yang berasaskan syariah Islam. Institusi ini ditubuhkan pada tahun 2005 yang bermatlamatkan untuk membantu masyarakat Banda Aceh yang mengalami masalah modal usaha, guna memulihkan ekonomi masyarakat yang telah hancur setelah berlakunya bencana alam tsunami pada tarikh 24 Disember 2004, dan selanjutnya

⁵ Herlina(2009), *Hukum dan Fenomena Sosial: Syariat Islam dalam Praktek Hukum*, Banda Aceh: Aceh Justice Resource Centre. h. 55.

⁶ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁷ Iskandarsyah Madjid. Dr. SE. MM (2009), *Survei Terhadap Lembaga Keuangan Baitul Qiradh Nanggroe Baznas Madani Lueng Bata*, Kamis, 02 Juli 2009., http://riskia-microfinance.blogspot.com/2009_07_01_archive.html

institusi ini diiktiraf sebagai salah satu bentuk dari Koperasi Syariah Bina Insan Mandiri yang terletak di Jalan Teuku Cut Ali Nomor 36 kelurahan Kampung Baru Kecamatan Kuta Raja, Kota Banda Aceh berasaskan Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 serta kekeluargaan dan syariah Islam.

BQ-BIMA Banda Aceh dinilai sangat sesuai dengan budaya dan agama yang di anut oleh masyarakat Banda Aceh. BQ-BIMA Banda Aceh merupakan koperasi yang berdasarkan Islam dan tergolong sebagai syarikat wadah kebersamaan, kerjasama, kekeluargaan, dan kebersamaan usaha yang sihat, baik, dan halal. Pertumbuhan koperasi mahupun koperasi syariah atau nama lain koperasi yang berasaskan Islam sebagai wadah usaha, tidak terlepas dari pelbagai pengaruh, baik dari lingkungan dalaman seperti sumber insan atau SDM (sumber daya manusia), organisasi, pengurusan, modal, beragam usaha, keanggotaan, teknologi) mahupun lingkungan luaran (sosial budaya, politik, ekonomi, undang-undang, informasi, dan perkembangan teknologi maklumat) di tingkat provinsi, kebangsaan dan antarabangsa. Pengaruh ini sebenarnya mendorong kepada terciptanya perubahan kerana terdapat tentangan dan sekali gus peluang bagi perkembangan koperasi mahupun sejenisnya.⁸

Tentangan atau cabaran dan sekali gus peluang untuk menumbuhkan koperasi sangat bergantung kepada kepintaran koperasi atau sejenisnya seperti BQ-BIMA Banda Aceh untuk melihat apa yang di inginkan oleh masyarakat dalam pertumbuhan ekonomi. Peluang mudah dicapai apabila yang diterima masyarakat ialah suatu kebiasaan yang dilakukan secara adat mahupun secara agama. Bagi mencari kesesuaian yang lebih berkesan kepada masyarakat Banda Aceh yang majoritinya menganut agama Islam dan sedang di terapkan Syariah Islam di seluruh Nanggroe Aceh Darussalam, semestinya harus diwujudkan koperasi yang berlandaskan syariah atau Islam supaya ia mudah di terima.

⁸ *Ibid.*, h. 115.

Selain daripada keadaan luaran iaitu keadaan sosial budaya yang dapat mendukung kejayaan institusi BQ-BIMA Banda Aceh ia juga memerlukan sistem operasi yang baik dan tepat bagi membangunkan ekonomi masyarakat Banda Aceh. Oleh itu BQ-BIMA Banda Aceh menjalankan suatu program untuk mengatasi masalah ini iaitu program Pembangunan ekonomi masyarakat atau *pemberdayaan*⁹ ekonomi.

Program pembangunan ekonomi masyarakat ini akan di agihkan bagi pengusaha kecil yang mempunyai kelemahan profesionalisme (*skill* atau kemahiran), yang biasanya mempunyai masalah dalam usaha membayar semula pinjaman tersebut. Untuk mencapai keberhasilan maka BQ-BIMA Banda Aceh mewujudkan suatu sistem operasi yang bermatlamat mengelakkan daripada berlakunya masalah membayar semula modal yang disebabkan oleh kegagalan dalam membuat usaha. Bagi menjamin kepentingan pihak BQ- BIMA Banda Aceh terhadap pembiayaan yang telah diberikan, maka diterapkan suatu sistem program di mana ianya harus melalui proses pemeriksaan, bimbingan dan pemerhatian yang berkesan bagi *nasabah*¹⁰ yang di berikan bantuan. Hal ini dilakukan kerana dalam kerja-kerja yang dibuat oleh masyarakat awam yang masih tradisional sehingga kurang memperhitungkan kerugian dan keuntungan yang berkecukupan.

1.2 Permasalahan Kajian

Dari latar belakang di atas, BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai peluang yang besar dalam usaha untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat. Usaha untuk membangunkan ekonomi masyarakat menengah ke bawah secara berkesan, bergantung kepada sistem operasi yang digunakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Sistem operasi

⁹ Pemberdayaan ekonomi adalah nama program yang dilaksanakan oleh institusi Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh dan mempunyai kesamaan dengan program membangun peningkatan ekonomi masyarakat. Selanjutnya akan dijelaskan lebih mendetail pada penjelasan tajuk.

¹⁰ Nasabah secara bahasa ialah perhubungan dan pertalian. Sedangkan yang dimaksudkan disini ialah sebagai ahli program pemberdayaan ekonomi Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Dan Lihat _____ (1991), *Kamus dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. h. 896.

BQ-BIMA Banda Aceh boleh dikatakan sudah memenuhi syarat dan mempunyai kemudahan. Walaupun begitu masih terdapat banyak kesulitan dalam mengamalkannya kerana kurangnya kefahaman masyarakat dan juga kurangnya kemudahan dalam pelaksanaannya.

Dengan adanya program pembangunan ekonomi masyarakat ianya akan memudahkan pembiayaan dana daripada BQ-BIMA Banda Aceh terhadap masyarakat Banda Aceh dan sekitarnya. Rancangan program ini dilihat sangat berkesan untuk pembiayaan mikro kredit syariah dengan adanya bimbingan, pemerhatian dan pemilihan. Sekiranya dilihat dari rancangan programnya, ia banyak meningkatkan ekonomi masyarakat dalam membangunkan usaha. Tetapi dalam pelaksanaannya tidak semuanya berjalan dengan lancar, kerana terdapat banyak masalah dan kesulitan yang timbul di lapangan.

Selain sistem dan program pembangunan ekonomi masyarakat sebagai faktor dalaman yang mempengaruhi keberhasilan institusi BQ-BIMA Banda Aceh, kesesuaian sistem dengan masyarakat juga mempengaruhi peningkatan ekonomi masyarakat. Kesesuaian dan keinginan masyarakat tersebut sangat bergantung kepada kebudayaan masyarakat tempatan di mana ianya bersesuaian dengan kepercayaan ideologi masyarakat tempatan. Banda Aceh merupakan Ibu kota Provinsi Aceh yang mempunyai autonomi khusus dalam melaksanakan syariah Islam. Oleh itu, tentunya institusi kewangan yang harus dikembangkan adalah institusi kewangan Islam. BQ-BIMA Banda Aceh yang merupakan institusi koperasi syariah yang selari dengan masyarakat tersebut seharusnya boleh berkembang dengan cepat. Kenyataannya, sebahagian masyarakat Banda Aceh masih beranggapan bahawa sistem operasi yang dipraktikkan di BQ-BIMA Banda Aceh belum sepenuhnya mengamalkan prinsip Syariah.

1.3 Persoalan Kajian

Dari latar belakang dan permasalahan, timbul beberapa persoalan yang membawa kepada kajian ini:

- 3.1. Bagaimana bentuk program pembangunan ekonomi masyarakat di laksanakan BQ-BIMA Banda Aceh?
- 3.2. Bagaimanakah prinsip-prinsip syariah dilaksanakan dalam pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ BIMA Banda Aceh?
- 3.3. Apakah peranan program pembangunan ekonomi masyarakat BQ-BIMA Banda Aceh dalam meningkatkan taraf ekonomi, kesihatan dan pendidikan?
- 3.4. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat BQ-BIMA Banda Aceh?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 4.1. Mengenal pasti jenis bentuk program pembangunan ekonomi masyarakat dilaksanakan di BQ-BIMA Banda Aceh
- 4.2. Mengetahui prinsip syariah yang dilaksanakan dalam pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh.
- 4.3. Menganalisis sumbangannya program pembangunan ekonomi masyarakat BQ-BIMA Banda Aceh dalam meningkatkan taraf ekonomi, kesihatan dan pendidikan.
- 4.4. Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat pada BQ-BIMA Banda Aceh

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada penulis, masyarakat Banda Aceh dan institusi BQ-BIMA Banda Aceh. Hasil yang dapat diperoleh oleh penulis ialah matlamat yang jelas tentang sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat yang ada di BQ-BIMA Banda Aceh sehingga dapat menambah matlamat mengenai ilmu yang dilaksanakan oleh institusi ini. Hal ini juga penting dalam ilmu pengetahuan bagi mengukur peranan institusi-institusi kewangan syariah khususnya institusi kewangan mikro yang lebih dekat dengan masyarakat awam. Begitu juga halnya dengan akad-akad dan skim-skim syariah untuk mengetahui kelebihan dan kekurangan yang di amalkan pada institusi-institusi mikro syariah.

Bagi masyarakat Banda Aceh, mereka boleh mendapatkan maklumat yang jelas tentang sistem program pembangunan ekonomi masyarakat walaupun hanya mendapat maklumat asas sahaja. Untuk institusi BQ-BIMA Banda Aceh kajian ini sangat di rasa penting bagi mengukur kesesuaian sistem yang sedang diterapkan dan manfaat yang telah diperoleh oleh masyarakat. Selain daripada itu institusi BQ-BIMA Banda Aceh juga boleh mendapatkan saranan dan kritikan yang dapat membantu memajukan institusi tersebut. Begitu juga bagi Baitul Qiradh atau koperasi syariah dan yang sejenis dengannya boleh menjadi sumber matlamat sebagai perbandingan mahupun ukuran yang boleh memberikan manfaat.

1.6 Hipotesis Kajian

Bertepatan dengan persoalan dan permasalahan pada penulisan ini, hipotesis penulis terhadap sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai peranan positif dalam peningkatan masyarakat khususnya ke atas mereka yang menjadi pelanggan. Sebagai bukti matlamat yang di inginkan BQ-BIMA Banda Aceh telah tercapai adalah kesan adanya perubahan dalam peningkatan

taraf hidup masyarakat dan berakhhlak. Peningkatan taraf hidup ialah berlakunya perubahan pendapatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Hipotesis tersebut penulis dapati dari hasil pengamatan dengan melihat langsung dan menemubual pelanggan yang di agihkan pembiayaan oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Hasil hipotesis tersebut, program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh meningkatkan taraf ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

1.7 Skop Kajian

Penulis telah membahagikan skop kajian ini kepada tiga bahagian iaitu:

1.7.1 Operasi Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Banda Aceh

Kajian ini hanya mengkaji bagaimana sistem operasi pembangunan ekonomi masyarakat atau dalam istilah BQ-BIMA Banda Aceh disebut *pemberdayaan* ekonomi. Sistem operasi pembangunan ekonomi masyarakat ekonomi hanya menganalisis bagaimana bentuk pemberdayaan ekonomi, prinsip syariah, uji kelayakan¹¹, dan pengawasan¹². Kajian ini mempunyai pendekatan sosiologis yang secara teori batasan program pembangunan ekonomi masyarakat yang mencakupi peningkatan taraf ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Ini berati, batasannya hanya mengkaji tentang pendekatan ini, yang merupakan ukuran daripada matlamat BQ-BIMA Banda Aceh.

1.7.2 Tempat Kajian

Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat di tetapkan di kawasan Banda Aceh dan sebahagian kecil di Aceh Besar kerana BQ-BIMA Banda Aceh juga tidak berjauhan dengan Aceh Besar.

¹¹ Penjaringan ialah syarat-syarat menjadi angota pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat.

¹² Pengawasan ialah suatu proses pendampingan dengan cara mengawasi, melatih dan memantau keadaan usaha ahli yang diberikan agihan melalui program pembangunan ekonomi masyarakat.

1.7.3 Pelanggan

Pelanggan yang peneliti gunakan di sini terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam program ini iaitu pengurus BQ-BIMA Banda Aceh dan pelanggan yang mendapatkan pembiayaan daripada program pembangunan ekonomi masyarakat itu sendiri.

1.8 Kajian Lepas

Teori yang mencadangkan bahawa negara-negara yang mengamalkan pasar bebas lebih baik berbanding dengan pasaran yang lebih menonjol peranan pemerintah dalam pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun Eelke De Jong¹³ tidak serta-merta menerima teori ini, beliau memandang bahawa budaya juga boleh mempengaruhi terhadap intitusi kewangan dan sistem yang bersesuaian dengan budaya akan lebih mudah berbanding menerima sistem dari luar. Indonesia dan khasnya di Aceh mempunyai kebiasaan dan adat sendiri dalam berinteraksi. Aceh merupakan wilayah syariat Islam seharusnya institusi yang harus dikembangkan harus berasaskan Islam termasuk Institusi kewangan.

BQ-BIMA Banda Aceh merupakan sebuah institusi koperasi syariah yang bertempat di Banda Aceh. Berhubung kait dengan kajian ini Norafiza binti Ibrahim (2004)¹⁴ dalam kajiannya, menghuraikan sejarah koperasi dan perkembangan koperasi di Malaysia secara sepantas lalu dan kajiannya lebih cenderung dalam mengkaji instrumen muamalat Islam yang digunakan oleh Koperasi Guru Melayu Pahang Barat (KGMPB) terutamanya skim pinjaman Qardul Hasan dan *al-Bay' Bithaman Ajil* sama ada ianya benar-benar bertepatan dengan teori dan aplikasi pelaksanaannya kepada

¹³ Eelke De Jong (2011), “Culture, Institutions and Economic Growth”, *Journal of Institutional Economics: C – The JOIE Foundation*, doi:10.1017/S1744137411000117, h. 1-5

¹⁴Norafiza Ibrahim (2004), “Instrumen muamalat dan pelaksanaannya di Koperasi Guru Melayu Pahang Barat Berhad (KGMPB) Kuala Lumpur” (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h.1.

KGMPB sendiri. Hasil kajian lalu merupakan pelaksanaan sistem muamalat Islam melalui wadah koperasi masih banyak yang perlu dibina dan dimantapkan secara berterusan. Dalam era ICT ini, cabaran dan persaingan yang perlu dihadapi semakin sengit. Koperasi perlu meningkatkan semua keupayaan dan menggembung segala kepakaran yang ada bagi memastikan koperasi sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan mampu mengatasi cabaran.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Hidayat Buang (2004) mengenai "Koperasi Secara Islam Dalam Kerangka Perundangan Malaysia". Isu yang dikaji dalam artikel ini mencakupi sejarah penubuhan Syarikat Koperasi dan persoalan riba, perkembangan masa kini Syarikat Koperasi di Malaysia serta Undang-undang yang mengawal pertubuhan Koperasi dan juga penjelasan ringkas mengenai bentuk akad dalam Syarikat Koperasi. Di samping itu, artikel ini juga menyentuh sedikit mengenai hukum yang memperkuat terhadap kelayakan menjadi ahli koperasi. Kesimpulan daripada artikel ini ialah permasalahan syarikat koperasi mengikut hukum Islam dan perundangan Malaysia pada dasarnya sudah mempunyai titik persamaan iaitu pemberanakan adanya Penubuhan Syarikat Kerjasama atas dasar memilih keburukan yang paling ringan (*akhaff dararayn*) di antaranya Keburukan faedah syarikat bekerjasama atau keburukan hutang secara berfaedah daripada peniaga pajak gadai Cina dan ceti India. Beliau juga turut mengatakan bahawa di dalam undang-undang koperasi tidak terdapat sebarang halangan atau larangan khusus terhadap aktiviti perniagaan secara Islam dan begitu juga tidak terdapat arahan atau syarat secara khusus untuk melakukan sesuatu aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Kajian ini sangat membantu penulis dalam merangka penulisan yang boleh memberi gambaran bagaimana sesuatu institusi koperasi itu boleh dikatakan sebagai sebuah koperasi Islam

yang bebas tanpa bunga atau faedah.¹⁵ Ringkasnya pembahasan pada penulisan ini menyatakan bahawa Baitul Qiradh juga merupakan sejenis koperasi yang berdasarkan Islam.

Siti Azura binti Nasarudin (2000)¹⁶ di dalam kajiannya telah meneliti aspek berkaitan pelaksanaan konsep, prinsip dan dasar koperasi Islam sama ada dilaksanakan secara sepenuhnya atau tidak di Koperasi Muslim Malaysia Berhad sebagai model kajian penulis. Seterusnya penulis juga melihat kepada perkembangan dan prestasi koperasi dengan melakukan beberapa analisis terhadap angkubah-angkubah yang berkaitan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, ternyata Ko-Muslimin menjalankan urus niaga dan operasinya mengikut garisan yang telah ditetapkan oleh syariat kerana dibantu oleh akta yang tidak lagi menjadi halangan kepada perlaksanaan sistem muamalat Islam. Kajian ini juga telah memperlihatkan setakat mana tahap kemajuan dan prestasi koperasi pada masa sekarang. Penelitian ini boleh membantu penulis dalam memberi maklumat tentang prinsip, konsep dan dasar-dasarnya yang sangat berhubung kait dengan prinsip-prinsip koperasi.

Menurut kajian Ruzana Bt Ariffin (2002)¹⁷ Di Malaysia, koperasi kredit menjadi tulang belakang yang telah mengemudi kejayaan gerakan koperasi negara. Hasil kerjasama yang wujud antara syarikat-syarikat koperasi kredit, maka tertubuhlah bank koperasi di Malaysia iaitu Bank Agong. Ia telah mengalami banyak perubahan selaras dengan perkembangan semasa. Kini, Bank Agong telah di kenali sebagai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Atas keprihatinan terhadap masyarakat Islam dan juga untuk memenuhi keperluan mereka dalam urusan perbankan, maka Bank Rakyat telah menukar keseluruhan operasinya daripada sistem perbankan

¹⁵ Ahmad Hidayat Buang (2004), "Koperasi Secara Islam Dalam Kerangka Perundangan Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jilid 12.

¹⁶ Siti Azura Nasarudin (2000) "Koperasi Muslimin Malaysia Berhad : Satu Penilaian Dari Perspektif Islam" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. iii

¹⁷ Ruzana Arifin(2002), "Pendekatan Koperasi Dalam Sistem Perbankan Islam : Kajian di Bank Rakyat, Kuala Lumpur" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

konvensional kepada sistem perbankan Islam. Bank Rakyat telah bergelar bank koperasi Islam yang pertama di Malaysia. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penulis cuba mengetengahkan Bank Rakyat sebagai contoh institusi kewangan terkemuka di tanah air untuk melihat perjalanan operasinya dalam konteks bank koperasi, di samping kejayaannya dalam menggunakan pendekatan koperasi dalam sistem Perbankan Islam dari sudut praktikal. Kajian ini juga memberi gambaran tentang pelaksanaan operasinya.

Kajian Amrullah Nangolah (2006), tentang operasi dan pelaksanaan koperasi beringin Palembang Sumatra selatan Indonesia menurut perspektif Islam. Koperasi merupakan sebuah organisasi perniagaan yang ditubuhkan atas konsep berdikari dan kerjasama, di mana anggota-anggotanya mempunyai hak, kewajipan dan tanggungan. Kajian ini, penulis membahaskan tentang aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pihak koperasi Beringin Palembang yang ditinjau dari perspektif Islam. Dalam tulisannya penulis menggambarkan tentang jenis operasi yang dilaksanakan bersesuaian dengan hukum Islam. Hasil kajiannya mendapati aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pihak koperasi Beringin terbahagi kepada dua kategori. *Pertama*, perniagaan yang sesuai dengan kehendak syarak, iaitu kedai runcit, pembiayaan barang pengguna dan penjualan minyak tanah. *Kedua*, perniagaan yang bercanggah dengan syarak, iaitu skim pinjaman wang.¹⁸

Selain daripada merujuk kepada kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan sistem syariah, penulis juga merasa pentingnya mengambil beberapa kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan aspek pembangunan ekonomi. Artikel yang ditulis oleh Choirul Salem (2000) dengan tajuk “Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat dan Koperasi di Daerah” antaranya ada membincangkan tentang kegiatan perusahaan perekonomian rakyat dalam sektor industri, kepentingannya pengembangan

¹⁸ Nur Kholis (2006), “Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Islam : Konsep Dan Pelaksanaannya di Baitul Mal Wattamwil (BMT), Yogyakarta, Indonesia” (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

perekonomian rakyat bagi daerah, serta strategi dan perencanaan pengembangan perekonomian rakyat dan diakhiri dengan langkah-langkah penyusunan strategi pengembangan perekonomian rakyat dan koperasi. Artikel ini mengambil kira bahawa strategi pengembangan perekonomian rakyat pada umumnya meliputi beberapa bidang iaitu pengembangan ekonomi sektor informal, perusahaan keluarga (home industry), industri kecil, Industri menengah dan koperasi. Malah beliau turut memberikan gambaran tentang langkah utama yang tepat dalam strategi pengembangan perekonomian rakyat dan koperasi iaitu dengan memerhatikan secara cermat lingkungan, dan faktor-faktor yang mendukung lainnya. identifikasi masalah, penentuan penyusunan alternatif hingga pada tahap akhir berupa pelaksanaan dan evaluasi. Artikel ini telah membantu untuk memperkuat tentang pengukuran keberkesanan dengan mempelajari faktor-faktor lingkungan, pelaksanaan dan evaluasi yang ditawarkan dalam tulisannya.¹⁹

Begitu juga dengan Siti Aisah Binti Jusoh (2003)²⁰ dalam kertas projeknya, beliau telah menghuraikan tentang peranan dan sumbangan koperasi yang tertumpu kepada pembangunan dan peningkatan taraf ekonomi masyarakat setempat. Masalah ini merujuk kepada sejauh mana Koperasi Pembangunan memainkan peranannya dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Ia sekali gus menghuraikan keberkesanan aktiviti yang dijalankan selaras dengan objektif dan matlamat asal penubuhannya serta kesesuaianya dengan keadaan sekarang. Dalam penulisan ini beliau telah memberi pandangan bahawa Koperasi Pembangunan memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat. Hal ini membuktikan bahawa penubuhan organisasi ini bertepatan dengan keperluan masyarakat. Bahkan, ia turut menjadi pemangkin kepada arah pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya.

¹⁹ Choirul Salem (2000), "Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat dan Koperasi di Daerah". *Jurnal Administrasi Negara*, Vol. I, No. 1, September 2000, h. 28-36.

²⁰ Siti Aisah Jusoh(2003), "Sumbangan koperasi kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat : kajian di Koperasi Pembangunan Daerah Padang Terap, Kuala Nerang", (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Untuk pembangunan ekonomi masyarakat yang mempunyai kesamaan dalam konteks ke Indonesia iaitu kata-kata pemberdayaan secara literatur Ida Ayu Nyoman Saskara (2007) dalam tulisannya Pemulihan Ekonomi Indonesia Melalui Pemberdayaan Ekonomi Rakyat.²¹ Kajian ini membahaskan tentang kelalaian pemerintah sebelum krisis ekonomi terjadi di Indonesia, pada waktu itu terjadi lepas kendali dalam mengawasi kegiatan ekonomi. Krisis pada waktu itu boleh meruntuhkan pertumbuhan ekonomi di Indonesia yang sedang membangun. Untuk mengatasi kondisi ini pemerintah mencuba memulihkan dengan penekanan (*injeksi*)²² modal, pendataan (*rekapitulasi*)²³, penyusunan semula (*restrurisasi*)²⁴ perbankan dan koperasi-koperasi. Tindakan ini ternyata tidak mampu mengatasi krisis moneter, kerana sektor kewangan masih juga belum stabil. Hal ini menjawab sektor tradisional yang merupakan perusahaan kecil masyarakat selama ini yang dianggap sebagai sektor yang tidak penting dan dianggap sebagai penghambat pertumbuhan ekonomi, ternyata dapat berperanan sebagai pengganti sektor moden.

Kajian ini mendapati bahawa hasil daripada strategi pemberdayaan ekonomi rakyat dalam rangka pemulihan ekonomi Indonesia melalui beberapa hal iaitu yang *pertama* mengembangkan ekonomi rakyat berdasarkan sistem ekonomi Pancasila. *kedua* dengan melakukan pendekatan institusi, dalam hal ini pemerintah dan parlimen menciptakan iklim usaha yang kondusif, ketentuan hukum, akses permodalan, teknologi, dan akses pasar. *Ketiga*, pembangunan yang selari saling menguntungkan antara ekonomi rakyat dengan swasta nasional (koperasi-koperasi besar dan maju) dalam hal permodalan, teknologi, pemasaran, dan pengembangan sumber daya manusia

²¹Ida Ayu Nyoman Saskara (2007), "Pemulihan Ekonomi Indonesia Melalui Pemberdayaan Ekonomi Rakyat", *Buletin Studi Ekonomi*, Vol. 12.No.1. Tahun 2007.

²² Injeksi berasal dari kata Injection yang erti suntikan. Lihat Awang Sudjai Hairul dan Yusuf Khan(1977) *Kamus Lengkap*, Cet. I. Selangor: Pustaka Zaman Sdn Bhd. h.363. Injeksi mnurut kamus dewan ialah suntikan. Lihat _____kamus Dewan, Op. Cit., h. 455. Yang dimaksudkan disini injeksi ialah adanya suntikan dana daripada pemerintah untuk modal.

²³ Rekapitilisasi berasal dari bahasa inggeris iaitu recapitulation erti ikhtisar, mengikhtisarkan. Lihat _____ (1992), *Kamus Inggeris Dewan Melayu An English-Malay Dictionary*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Malaysia. h. 1300. Dan ikhtisar ialah ringkas atau meringkaskan. _____ Kamus Dewan, Op. Cit., h. 896.

²⁴ Restrurisasi berasal dari bagasa inggeris iaitu restructure erti menyusun semula. Lihat Kamus Inggeris Dewan Melayu.

(SDM). Kajian ini mempunyai hubung kait dengan kepentingan pengembangan ekonomi di kalangan masyarakat akar rumput dan pentingnya institusi mikro, sama ada mikro syariah untuk mengambil peduli terhadap pembangunan ekonomi rakyat.

Peranan suatu institusi dalam perekonomian Islam dalam pembangunan ekonomi masyarakat kecil atau ekonomi ummah sangat diperlukan. Kajian Eneng Fauziah²⁵ yang menyangkut dengan peranan perbankan syariah dalam pembangunan ekonomi ummah pada Bank Syariah Mandiri (BSM) Jawa Barat Indonesia, mendapati Bank Syariah Mandiri (BSM) sangat bermanfaat bagi masyarakat dalam pemulihan ekonomi khususnya masyarakat kecil. Dapatan ini dilihat daripada peranannya dalam memobilisasi pendanaan dari golongan masyarakat menengah dan miskin, memperbesarkan *partofolio* pembiayaan untuk skala menengah dan kecil, serta mendorong kepada kewujudan pengurusan zakat, infak dan sedekah yang lebih efektif sebagai cermin keprihatinan sosial di jawa Barat pada khususnya dan Indonesia pada umumnya.

Setelah membincangkan pentingnya pembangunan ekonomi dalam berbagai strategi yang dirancangkan bagi pemulihan ummah oleh institusi-institusi mikro syariah, perlu juga membincangkan pembangunan ummah dari segi pengembangan minda. Noorhasbi Binti Ismail²⁶ telah membincangkan bagaimana konsep pembangunan ekonomi dalam pengembangan minda masyarakat dari perspektif Islam. Perbincangan ini telah diteliti pada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) mengenai sumbangannya dalam pembangunan minda di Kelantan. Daripada hasil kajian didapati bahawa pembangunan dalam Islam tidak hanya ditujukan pada aspek kebendaan, tetapi ianya perlu juga dititikberatkan dari aspek keilmuan, pendidikan dan

²⁵ Eneng Fauziah (2011), “Peranan Perbankan Syariah Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Kajian Di Bank Syariah Mandiri (BSM) Jawa Barat, Indonesia”, ((Disertasi, Ijazah Serjan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁶ Noorhasbi binti Ismail (2004), “Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM): Suatu Kajian Mengenai Sumbangannya Dalam Pembangunan Minda Di Kelantan” (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

pemikiran. Elemen-elemen pembangunan minda menjadi asas utama dalam perencanaan dan terdapat dalam modul pembangunan YPEIM sebagai intitusi pelaksana. Penggabungan antara konsep kerohanian dan kebendaan telah memainkan peranannya dalam usaha YPEIM bagi penyebaran ilmu, kesedaran, rangsangan pemikiran dan konsep kerjasama.

Begitu juga dengan Heri Sunandar²⁷ dalam kajiannya tentang sistem perbankan syariah dan peranannya dalam peningkatan ekonomi ummah suatu kajian kes perbankan syariah di Provinsi Riau Indonesia, mendapati bahawa ada dua aspek yang berperan dalam peningkatan perekonomia ummat dalam operasi. Aspek-aspek tersebut berupa aspek secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Aspek yang secara langsung dirasakan oleh masyarakat ialah pembiayaan koperasi, pembiayaan sektor ekonomi mikro dan penyaluran dana secara syariah kepada masyarakat. Aspek ini sangat berpengaruh bagi mendukung institusi ekonomi mikro dan masyarakat secara langsung mendapatkan pinjaman secara mudah untuk membangkitkan usaha. Sedangkan aspek yang tidak langsung berupa dukungan terhadap pendidikan Islam, meningkatkan sumber tenaga manusia, meningkatkan kesadaran masyarakat dalam bidang perbankan syariah. Kajian ini boleh memberikan matlamat tentang aspek-aspek yang diutamakan dalam pembangunan ekonomi terhadap masyarakat. Matlamat ini dirasa perlu bagi memberi gambaran terhadap keberkesanan pembiayaan dan pendampingan yang akan dikaji.

Wayan Suarja (2007)²⁸ dalam pembentangannya mendapati terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat miskin menunjukkan bahawa kemiskinan berpunca daripada ketidakupayaan dan ketidakmampuan masyarakat dalam memenuhi

²⁷ Heri Sunandar (2006), “Sistem Perbankan Syariah Dan Peranannya Dalam Peningkatan Ekonomi Ummah: Kajian Kes Perbankan Syariah di Provinsi Riau, Indonesia”, ((Tesis, Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

²⁸ Wayan Suarja AR. Ir. MBA (2007), “Pemberdayaan Ekonomi Rakyat Melalui Program Pemberdayaan Koperasi, Usaha Mikro, Kecil dan Usaha Menengah”, *Konvensi Nasional Media Massa Se Indonesia*, Samarinda: 8 Februari 2007.

hak-hak asas, risiko yang dialami masyarakat dalam menghadapi persaingan perusahaan. Masalah kemiskinan di Indonesia yang ditandai dengan rendahnya mutu kehidupan masyarakat, yang diduga oleh Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan Indeks Kemiskinan Manusia (IKM). IPM dan IKM mempunyai komponen yang sama iaitu angka harapan hidup (tingkat kesihatan), penguasaan ilmu pengetahuan (tingkat pendidikan) dan standard kehidupan yang layak (tingkat ekonomi). Pada IPM standard hidup layak dihitung dan pendapatan per kapita, sementara IKM diukur dengan peratusan penduduk tanpa akses terhadap air bersih, fasiliti kesihatan dan kanak-kanak kurang gizi. Adapun tulisan ini telah memberi gambaran capaian yang harus dicapai dalam pembangunan ekonomi masyarakat yang sangat berhubung kait dengan apa yang sedang penulis kaji.

Kemiskinan ini juga boleh terwujud apabila perekonomian hanya dikuasai oleh segolongan kecil orang kaya. Bagi orang yang mempunyai kelebihan modal tidak sulit untuk menciptakan Industri-Industri yang berskala besar, sehingga akan terjadi monopoli harga dan pembayaran upah yang rendah terhadap buruh. Jonathan Q. Morgan²⁹ dalam kajiannya tentang keseimbangan antara kelompok industri dalam pertumbuhan ekonomi di bandar menggambarkan industri yang berskala besar tidak terlalu berkesan terhadap pertumbuhan ekonomi masyarakat kecil. Kajian ini mendapati bahawa penguasaan sekelompok industri besar akan menciptakan ketidak seimbangan antara pendapatan perkapita dengan pengeluaran perbelanjaan masyarakat sekitar. Penguasaan ini juga membuat masyarakat sangat bergantung pada industri-industri untuk bekerja sehingga perekonomian akan sangat bergantung pada Industri tersebut. Kebergantungan ini akan berakibat negatif apabila terjadi kerugian terhadap Industri

²⁹ Jonathan Q. Morgan (2007), "Industry Clusters and Metropolitan Economic Growth and Equality" *International Journal of Economic Development*, Vol. _ine, _umber 4, h. 307-375

tertentu. Kajian ini boleh memberikan gambaran bahawa industri-industri kecil jauh lebih aman daripada bergantung pada industri besar.

Penumbuhan industri kecil secara perseorangan akan sulit bersaing dengan industri-industri besar. Oleh itu, Sri Lestari Hs memfokuskan pembangunan ekonomi kepada pendekatan kelompok. Cara kerja kelompok akan memudahkan dukungan daripada mana-mana pihak yang mempunyai hubung kait, sama ada dukungan kewangan dan dukungan teknikal. Pendekatan kelompok ini diyakini lebih berkesan karena dengan saling memberi sokongan diantara ahli kelompok akan lebih mampu bersaing di pasaran. Kajian ini juga mendapati bahawa Usaha Kecil Menengah (UKM) secara berkelompok dapat mengupayakan potensi sumber insan dan sumber alam lebih produktif sehingga boleh memberi nilai tambah dalam pendapat per-individu dan kelompok.

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi memudahkan peneliti dalam pengumpulan data, peneliti menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Dalam menghuraikan data peneliti memisahkan antara data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang berkaitan secara langsung dengan situasi dan berhubung kait dengan penelitian. Manakala data primer pula adalah data yang berbentuk temu bual, soal selidik dan pemerhatian.

Data temu bual ialah data yang difokuskan kepada individu-individu tertentu yang mempunyai autoriti dan berhubung kait dengan kronologi pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh. Temu bual bertujuan mengumpulkan data-data, agar segala permasalahan lebih jelas dan tepat. Penulis menemu bual pihak pengurusan BQ-BIMA Banda Aceh iaitu pimpinan dan kakitangannya. Penulis juga menemu bual

beberapa orang yang menerima pinjaman modal daripada program pembangunan ekonomi masyarakat tersebut untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

Soal selidik adalah alat untuk mengumpulkan data dengan soalan-soalan yang berhubung kait dengan objektif penelitian yang ingin didapati daripada responden.³⁰ Responden dalam soal selidik ini ialah responden yang berupa ahli atau pelanggan yang menerima pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat daripada BQ-BIMA Banda Aceh.

Data observasi ialah data yang diperoleh daripada lawatan ke institusi dengan mempelajari sistem yang digunakan dalam program pembangunan ekonomi masyarakat. Teknik ini membolehkan penulis untuk membuat pengamatan secara langsung dan merancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan penyelidikan membuat suatu *deskripsi*³¹ yang jelas terhadap keadaan. Metod ini untuk melihat dan menyaksikan secara langsung operasi dan pelaksanaan aktiviti program pembangunan ekonomi pada BQ-BIMA Banda Aceh. Dalam hal ini, penulis langsung berada di ibu pejabat BQ-BIMA Banda Aceh untuk melihat secara langsung aktiviti yang dilakukan terhadap perniagaan, seperti aktiviti pelaksanaan operasi. Selain daripada itu penulis juga mendatangi beberapa penerima pembiayaan modal program pembangunan ekonomi masyarakat untuk memastikan tentang bentuk dan operasi yang dilakukan oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Pemerhatian ini akan mendapatkan data yang lengkap berkenaan dengan semua aktiviti operasi yang sedang di jalankan.

Data sekunder ialah data yang mempunyai korelasi di antara penulisnya dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek diperbincangkan.³² Data sekunder yang berhubung kait dengan penyelidikan ini penulis menggunakan penyelidikan

³⁰ <http://definisi-pengertian.blogspot.com/2009/11/definisi-angket.html>, tarikh 27 April 2011.

³¹ Deskripsi iaitu yang menghuraikan atau memberikan gambaran. Lihat ____ (2010), *Kamus Dewan*, Op. Cit. h.278.

³² *Ibid.*, 94

perpustakaan. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas kerja ilmiah, majalah, jurnal, artikel, dokumentasi dan yang berkaitan dengannya. Data dokumentasi diperoleh daripada data-data yang ada di lapangan, terutama yang ada pada institusi BQ-BIMA Banda Aceh dan yang mempunyai hubung kait dengannya.

Setelah memisahkan data primer dan sekunder penulis melakukan pengumpulan data. Dalam pengumpulan dan mencari data-data atau maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan, peneliti menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif untuk memastikan jenis data yang bersesuaian dengan keperluan kajian ini.

1.9.2 Kaedah Analisis Data

Mendedahkan sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh, peneliti menganalisis data yang berbentuk primer dan sekunder. Menganalisis data yang berbentuk primer yang berupa data temu bual, soal selidik dan pemerhatian merupakan sumber maklumat utama dan didukung dengan data sekunder bagi mengambil kesimpulan dalam mendedahkan sistem operasi pembangunan ekonomi masyarakat. Penganalisan terhadap sistem operasi dapat dilihat dengan cara menganalisis data-data yang bersumber dari BQ-BIMA Banda Aceh yang mempunyai kaitan erat dengan kajian ini. Setelah data di kumpul dan ditentukan yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif dari pelbagai sumber. Maka peneliti akan menganalisis dengan metod Induktif, Deduktif dan deskriptif untuk mendapatkan kesimpulan dan gambaran dari hasil penelitian.

1.9.2.1 Metode Induktif

Dalam kajian ini metode induktif³³ digunakan untuk memudahkan penulis membuat kesimpulan terhadap data-data yang diperoleh daripada data kualitatif yang berbentuk temu bual, pemerhatian, buku-buku, artikel, jurnal, majalah, kertas kerja, dokumen, dan lain-lain yang bersifat khusus. Analisis induktif ini juga akan memudahkan dalam menganalisis bab pertama, kedua, ketiga dan sebahagian bab empat, kerana data yang diambil untuk bab-bab tersebut lebih banyak bersumber dari data kualitatif. Hasil daripada analisis induktif ini boleh melihat karakter data yang kita peroleh³⁴ dengan memberi gambaran bagaimana bentuk program pembangunan ekonomi masyarakat yang diterapkan daripada BQ-BIMA Banda Aceh. Begitu juga metod ini digunakan oleh penulis untuk mendedahkan peranan terhadap sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat pada BQ-BIMA Banda Aceh untuk mengetahui program ini boleh memberi manfaat, bersesuaian dan tepat sasaran.

1.9.2.2 Metode Deduktif

Bagi memudahkan gambaran tentang ukuran kesesuaian program pembangunan ekonomi di BQ-BIMA, penulis menggunakan pendekatan deduktif untuk melihat amalan penggunaan pinjaman modal program pembangunan ekonomi masyarakat dalam peningkatan ekonomi keluarga, pendidikan dan kesihatan. Analisis ini digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh dari hasil soal selidik yang berbentuk kuantitatif. Penulis menggunakan metode deduktif ini pada bab keempat. *Penggunaan pada bab empat hanya menganalisis data-data yang berbentuk angka-angka yang bersumber dari soal selidik.* Data tersebut sangat umum sehingga perlu dianalisis untuk mengambil kesimpulan yang khusus. Begitu juga dengan bab kelima yang merupakan bab kesimpulan, saranan dan cadangan. Untuk mendapatkan kesimpulan, saranan dan cadangan tentunya memperingkas dari maklumat-maklumat umum.

³³ http://id.wikipedia.org/wiki/Penalaran#Metode_induktif, tarikh 27 April 2011.

³⁴ www.inparametric.com, tarikh 27 April 2011.

1.9.2.3 Metode Deskriptif

Penelitian deskriptif digunakan hanya untuk menghuraikan soal selidik yang berupa jadual profil responden, pembiayaan dan jadual tentang sumbangan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh.

1.11 Struktur Penulisan

Struktur penulisan yang dipaparkan dalam tesis ini secara umumnya terdiri daripada lima bab, dimulai dari bab satu yang disebut sebagai bab pendahuluan yang menjelaskan bagaimana latar belakang dan kepentingan dalam penyelidikan ini, dilanjutkan dengan persoalan kajian yang menggambarkan adanya persoalan dalam penyelidikan ini. Seterusnya mengenai permasalahan, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kajian lepas, metode kajian dan struktur penulisan.

Bab dua, dalam bab ini penulis membahaskan tentang konsep mikro kredit syariah dan pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Sebelum menjelaskan tentang konsep pembangunan ekonomi masyarakat Islam, maka terlebih dahulu membahaskan tentang teori mikro kredit dan konsep syariah. Untuk menerangkan teori ini perlu menjelaskan teori dan konsep mikro kredit, definisi dan bentuk-bentuk program tersebut. Selanjutnya konsep program pembangunan ekonomi masyarakat berteraskan Islam. Bagi memperjelas konsep tersebut perlu membahaskan teori pembangunan ekonomi masyarakat berteraskan Islam dan objektif pembangunan ekonomi masyarakat berteraskan Islam.

Pada bab tiga penulis membahaskan tentang latar belakang dan operasi program pembangunan ekonomi masyarakat Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Penulis membahaskan Latar Belakang Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh, sejarahnya, objektif penumbuhan, visi-misi dan slogan, operasi organisasi, sumber kewangan, aktivitinya, institusi-institusi yang berkait atau bekerja sama, aktiviti,

prinsip-prinsip syariah dalam produknya, produk-produknya yang terdiri dari produk simpanan dan produk pembiayaan. Selanjutnya operasi program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh. Operasinya akan membahaskan mengenai konsep, matlamat program, prinsip operasi, akad-akad, modus operasi program, prosedur kelayakan, jenis program (usaha perniagaan dan perusahaan keluarga), pengawasan pembiayaan modal, statistik pelanggan dan kesimpulan.

Bab empat, bab ini merupakan bab menganalisis sistem program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh. Sebagai bahan untuk di analisis penulis cuba menghuraikan latar belakang penerima pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat yang di dalamnya menghuraikan tentang profil penerima pembiayaan, taraf perkahwinan, tanggungan, pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan dan kawasan pekerjaan. Seterusnya, maklumat program pembangunan ekonomi masyarakat tentang jenis usaha, jumlah pembiayaan dan pandangan responden terhadap pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat. Selepas itu analisis sumbangan program pembangunan ekonomi masyarakat yang di dalamnya akan menganalisis tentang peningkatan ekonomi, sektor pendidikan dan kesihatan. Akhir sekali, bab ini juga menganalisis tentang cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat yang merupakan cabaran yang berbentuk dalaman dan luaran.

Terakhir ialah bab kelima atau bab kesimpulan, bab ini membincangkan tentang kesimpulan daripada keseluruhan perbatasan dalam kajian ini iaitu berisikan rumusan yang dapat dikesan melalui kajian pada bab-bab yang lepas. Fokusnya untuk menarik kesimpulan bagi membuktikan wujudnya amalan sistem operasi program pembangunan ekonomi masyarakat pada BQ-BIMA Banda Aceh. Di samping itu, ia memberikan saranan-saranan untuk BQ-BIMA Banda Aceh dan cadangan-cadangan yang dianggap berguna dan membina.